



Our Reference No: **MPM-2023-05**

Date: 18th August 2023

To:

Professional and Associate Members of MPM

NOTIFICATION

This is to inform the outcome of the meeting between **MPM, ALAM, CME** with **JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM)** pertaining to current issues affecting POAC serving at ports in Malaysia at **IBU PEJABAT LAUT MALAYSIA** on the **17th August 2023 @ 1430h**, which was chaired by **TS Dr. JULYUS MELVIN MOBILIK**, The **Director of Shipping and Seafarers Development Division, Jabatan Laut Malaysia.**

Agenda of the meeting was to discuss and seek resolution from JLM for POAC affected with the requirement imposed by JLM in a correspondence ref **IPL/BPPP/2418-(7)** Dated 19th May 2021 who holds **Class 3 COC WKO 500 GRT**, for which under the new requirement ALL POAC as by 31 December 2023 must have at least COC Chief Mate 3000 GT or more Unlimited Voyage.

The Chairman, in principle had concluded the followings in the meeting:

1. POAC with license issued **in year 2017** may continue to execute his duty as POAC without having to upgrade his COC; but affected POAC must submit their assignment records to MPM via email to secretariat@mpmhq.org.my for reassessment by JLM. POAC may need to attend short courses as determined by JLM.
2. POAC who received the license from JLM **after** the year **2017** will need to upgrade his COC to Chief Mate 3000 GT or more Unlimited Voyage in a specially designed course – **A1MATE (Hybrid)** by ALAM which was also approved by JLM. Please make your enrolment here <https://forms.gle/8JReFekSSiMnsRmr7> urgently.



THANK YOU!

Capt. Martin Lim CM *URm M.MPM, MBA*
President & Chairman
Maritime Pilots Malaysia (MPM)
(*Ikhtisas Malim Maritim Malaysia -PPM-020-10-11052016*)
Mobile Contact No: 6012-3782660
Email: capt.martin.lim@mpmhq.org.my
Website: www.mpmhq.org.my



**JABATAN LAUT MALAYSIA
IBU PEJABAT LAUT
PETI SURAT 12, JALAN LIMBUNGAN
42007 PELABUHAN KLANG
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA**



Tel : 603-3346 7777
Faks : 603-3168 5289
Laman Web : www.marine.gov.my

Rujukan kami : IPL/BPPP/2418 - (7)
Tarikh : 19 Mei 2021

SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

KETETAPAN SYARAT KEMASUKAN KURSUS DAN INDIVIDU BAGI PERSON-OF-OVERALL-ADVISORY-CONTROL (POAC) DAN PERSON-IN-CHARGE (PIC) DI MALAYSIA

Dengan segala hormatnya adalah saya diarahkan merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa lanjutan daripada Mesyuarat Pengurusan Hal Ehwal Pelaut (HEP) Bil. 1/2021, dan sesi-sesi mesyuarat susulan di peringkat IPL, syarat kemasukan kursus dan individu bagi POAC (STS kapal tangki) dan PIC (STS kapal pasir) di Malaysia telah ditetapkan.
3. Sehubungan dengan itu, sekiranya terdapat sebarang perubahan atau pindaan pada garis panduan PIC / POAC yang tidak ketara pada masa hadapan mengambil kira keterlangsungan industri STS negara, BPPP dan BPLP akan berkolaborasi bagi melihat kesinambungan kriteria yang ditentukan.
4. Garis panduan bagi kursus dan individu POAC / PIC adalah seperti di lampiran. Untuk perhatian dan kerjasama Tuan/Puan yang selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(ANIS WAHEEDA ZULAIKHA BINTI NASARUDIN)

b.p. Ketua Pengarah Laut
Jabatan Laut Malaysia

Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03602

SENARAI EDARAN

1. Presiden
Malaysian Maritime Education & Training Association (MyMET)
2. Akademi Laut Malaysia (ALAM),
Batu 30, Kampung Tanjung Dahan,
78200 Kuala Sungai Baru,
Melaka
3. Centre of Maritime Excellence Sdn. Bhd.
No. 22, Lorong Batu Nilam 3A
Bandar Bukit Tinggi, 41200 Klang
Selangor.
4. Plomo Sdn. Bhd.
No 42-2, Jalan Putra Mahkota 7/7A,
Putra Point Business Centre,
Putra Point,
47650 Subang Jaya , Selangor

Safer Ships, Secure Ports, Cleaner Seas



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03602



**GARIS PANDUAN JABATAN LAUT MALAYSIA
PERSON-IN-OVERALL-ADVISORY-CONTROL (POAC)
BAGI OPERASI STS KAPAL TANGKI MINYAK
&
PERSON-IN-CHARGE (PIC)
BAGI OPERASI STS KAPAL KARGO DRY-BULK**

1. PENGENALAN

- 1.1 Secara umum, di bawah Peraturan 41, Konvensyen Antarabangsa Pencegahan Pencemaran Dari Kapal (MARPOL) 73/78, telah dinyatakan tentang keperluan *Person-In-Overall-Advisory-Control* (POAC) khusus bagi perlindungan aspek keselamatan dan alam sekitar menjerus kepada operasi kargo yang melibatkan kapal tangki.
- 1.2 Mengambil kira keperluan mendesak industri dan keterlangsungan operasi STS kapal tangki di dalam perairan negara mematuhi MARPOL pada sekitar tahun 2015-2016, sijil kursus POAC dikeluarkan oleh pihak Jabatan Laut Malaysia (JLM) melalui kerjasama Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut (KWPPPL) dan Institut Latihan Maritim (ILM).
- 1.3 Sesi-sesi libat urus juga telah dilaksanakan oleh JLM pada tahun 2019 dan 2020 bersama pihak-pihak berkepentingan bagi harmonisasi POAC di Malaysia.
- 1.4 Dalam aspek STS-Dry Bulk (yang mana aktiviti utama adalah perpindahan kargo pasir) pula, perihal keselamatan operasinya juga amat memerlukan individu yang bertanggungjawab penuh seperti mana POAC di dalam perairan Malaysia.

2. KURSUS POAC

- 2.1 Syarat kemasukan minimum bagi kursus POAC adalah seperti berikut:
 - a) Memegang Kad Pelaut (SID) yang masih sah laku;
 - b) *Memegang Perakuan Kekompetenan (COC) yang masih sah laku sebagai *Chief Mate on ships of 3000GT or more (Unlimited Voyage)*;

- c) Memiliki sijil pemeriksaan perubatan yang masih sah laku daripada pengamal perubatan yang diiktiraf oleh JLM;
 - d) Memiliki sijil kursus *Oil Spill Response (OSR) Tier I*;
 - e) Memiliki mana-mana sijil kursus asas *Tanker Familiarization / Basic Tanker / BOCTT / BGTT*;
 - f) Pernah mempunyai sekurang-kurangnya 12 bulan tempoh perkhidmatan laut sebagai pegawai di atas kapal tangki;
 - g) Memiliki sijil kursus kehadiran/telah menjalani latihan *Advanced Oil Tanker*.
- 2.2 Kelonggaran syarat minimum kemasukan kursus POAC bagi pemegang COC yang mana memiliki sijil kursus **POAC sedia ada** yang masih sah laku dan secara rasminya sedang aktif bekerja sebagai POAC, adalah seperti di bawah:
- a) **Master on ships of 3000GT or more (Near-Coastal Voyage); atau Officer in Charge of Navigation (WKO) of 500GT or more (Unlimited Voyage)* yang masih sah laku;
 - b) Memegang *Unrestricted Pilotage License* atau memiliki mana-mana sijil kursus *Ship Handling* yang diiktiraf oleh JLM;
- 2.3 JLM boleh mempertimbangkan untuk membenarkan individu yang tidak mempunyai pengalaman di atas kapal tangki untuk menduduki kursus POAC tertakluk kepada pengalaman *3 loading/3 unloading* kargo minyak untuk memenuhi syarat kehadiran kursus *Advanced Oil Tanker*.
- 2.4 Bermula **1 Januari 2024**, kelonggaran syarat seperti mana perenggan 2.2 tidak lagi diterima pakai.
-

3. KURSUS PIC

- 3.1 Syarat kemasukan minimum bagi kursus PIC adalah seperti berikut:
- a) Warganegara Malaysia;
 - b) Pemegang SID yang masih sah laku;
 - c) Memiliki sijil pemeriksaan perubatan yang sah daripada pengamal perubatan yang diiktiraf oleh JLM;

- d) *Memegang sekurang-kurangnya COC yang masih sah laku sebagai *WKO of 3000GT or more on Unlimited Voyage* beserta minimum 24 bulan tempoh perkhidmatan laut sebagai pegawai di atas kapal; atau
- e) COC yang masih sah laku sebagai *Master/Chief Mate of 3000GT or more on Near-Coastal Voyage* beserta minimum 12 bulan tempoh perkhidmatan laut sebagai *Master/Chief Mate* di atas kapal;
- f) Memegang *Unrestricted Pilotage License* atau telah menghadiri dengan jayanya mana-mana kursus *Ship Handling* yang diiktiraf oleh JLM.

**COC boleh diperbaharui melalui kursus COC-Refresher yang dianjurkan oleh JLM dan sebarang endorsan/pengeluaran COC tersebut adalah bukan untuk tujuan bekerja sebagai anak kapal.*

4. MAKLUMAT SIJIL/ KURSUS PIC DAN POAC

- 4.1 Elemen tambahan elektif bagi kursus PIC adalah seperti di bawah:
 - a) *Emergency handling of dry bulk cargo;*
 - b) *IMSBC Code awareness;*
 - c) *BIMCO STS Clause for Dry-Bulk Voyage.*
- 4.2 Kelulusan kepada mana-mana pemegang sijil negara asing yang memohon untuk menduduki kursus POAC adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan oleh JLM.
- 4.3 Kursus POAC/PIC hanya boleh dijalankan setelah mendapat kebenaran daripada JLM yang merupakan agensi utama mengawal dan mengukur jaminan kualiti penyedia latihan untuk POAC/PIC.
- 4.4 Semua pemegang sijil kursus POAC sebelum 1 Januari 2020, atau telah dikeluarkan sijil POAC di Malaysia tanpa tarikh tamat, sijil tersebut secara automatik akan tamat pada **31 Disember 2021**.
- 4.5 Semua POAC mestilah mempunyai sekurang-kurangnya COC *Chief Mate of 3000GT or more on Unlimited Voyage* pada atau sebelum **31 Disember 2023** untuk mengesahkan semula lesen POAC mereka.
- 4.6 Sijil kursus POAC hanya akan dikeluarkan oleh JLM setelah individu tersebut berjaya menyelesaikan dan mengesahkan keperluan-keperluan lain yang ditentukan kesesuaiannya oleh JLM.

- 4.7 Pemegang COC yang dikeluarkan oleh negara asing akan dipertimbangkan secara permohonan khas kepada JLM bagi warganegara Malaysia ingin menyertai kursus POAC.
- 4.8 Hanya warganegara Malaysia yang memegang sijil POAC yang sah sahaja akan diiktiraf sebagai POAC di Malaysia.
-

5. PERTANYAAN DAN MAKLUMAT LANJUT

- a) Pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai PIC atau POAC di Malaysia (operasi sebagai POAC/PIC):

**Bahagian Pelabuhan, Logistik dan Perdagangan (BPLP)
Ibu Pejabat Laut
Jabatan Laut Malaysia**

- b) Pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai kursus dan Institut Latihan Maritim (dasar & latihan):

**Bahagian Pembangunan Perkapalan & Pelaut (BPPP)
atau
Bahagian Kawalan Industri Maritim (BKIM)
Ibu Pejabat Laut
Jabatan Laut Malaysia**